

SPEKIFIKASI PIAWAIAN DAN GRED SALAK

REF : (PIAWAIAN MALAYSIA MS 885)

1. SKOP

Spesifikasi piawaian dan gred ini adalah Salak yang tergolong dalam Palmae dengan nama botanikalnya **Salacca edulis** atau **Salacca zallaca (Gaertner) Voss**

Skop kajian adalah dari Varieti Salak Madu (Gula-gula) dengan buahnya warna cerah keemasan berbentuk lonjong seperti telur ayam.

DEFINISI TERMA

Bagi tujuan spesifikasi tersebut, terma-terma yang digunakan akan bermaksud:

2.1 *Kematangan* - Terdiri daripada lima (5) indeks warna bagi **salak madu** Seperti berikut :

2.1.1 Indeks 1 - Tidak matang . Kulit berwarna hijau dengan sedikit Coklat.

2.1.2 Indeks 2 - Permulaan matang, kulit berwarna hijau kekuningan.

2.1.3 Indeks 3 - Matang -Warna coklat serta sedikit kekuningan.

2.1.4 Indeks 4 - Buah masak - coklat cerah keemasan

2.1.4 Indeks 5 - Buah yang terlalu masak - Warna coklat gelap sedikit kemerahan. Terdapat tanda -tanda dan berair pada bahagian pangkal.

2.2 *Kematangan seragam* - Konsainan dianggap seragam jika mempunyai satu indeks warna atau gabungan indeks warna yang hampir seperti 2 , 3 dan 4 dalam satu-satu lot.

2.3 *Segar* - Salak segar mempunyai permukaan kulit buah yang licin serta tekstur isi yang pejal (firm) dan ranggup.

2.4 *Kecacatan* - Salak yang mempunyai tanda-tanda yang menjejaskan persembahan termasuk, kotor, cacat dan cacat rupa.

2.4.1 *Cacat* - Salak yang bentuknya tidak normal atau sempurna seperti leper dan lonjong yang ketara tetapi tidak menjejaskan isi buah.

2.4.2 *Kotor* - Salak yang terdapat kesan-kesan benda asing yang tidak dibersihkan seperti tanah, racun perosak dan lain-lain bahan asing.

2.5 *Rosak* - kecederaan akibat kesan berikut yang akan menjejaskan kualiti isi, jangkahayat simpanan dan persembahan.

2.5.1 Kesan kecederaan mekanikal seperti luka, pecah, lebam dan melecet;

2.5.2 Kesan, gigitan atau lubang disebabkan makhluk perosak;

2.5.3 Kesan serangan dan jangkitan penyakit disebabkan organisma mikro, seperti busuk, reput dan berkulat;

3. KEPERLUAN MINIMUM

- 3.1 Agak bebas daripada rosak disebabkan oleh kecederaan mekanikal, perosak dan penyakit;
- 3.2 Agak bebas daripada kecacatan dan sesuai untuk dimakan oleh manusia.
- 3.3 Telah mencapai tahap kematangan yang mencukupi (indeks 2 hingga indeks 4) seperti yang dikehendaki oleh pasaran. Kandungan bahan pepejal larut $\geq 16^\circ$ Brix.

4 PENGELASAN GRED DAN SAIZ

- 4.1 Salak dikelaskan kepada tiga (3) gred, tertakluk kepada keadaan dan ciri-ciri gred seperti jadual berikut:-

GRED	SPEKIFIKASI	KELONGGARAN (MAKSIMUM)
Premium	Ia mestilah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga mestilah bebas dari kecacatan atau kerosakan	Kematangan $\leq 5\%$ Segar $\leq 5\%$ Rosak $\leq 2\%$ Kecacatan $\leq 5\%$ Keseragaman saiz $\leq 5\%$
1	Ia mestilah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga mestilah agak bebas dari kecacatan atau kerosakan	Kematangan $\leq 10\%$ Segar $\leq 5\%$ Rosak $\leq 3\%$ Kecacatan $\leq 5\%$ Keseragaman saiz $\leq 5\%$
2	Ia mestilah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga mestilah agak bebas dari kecacatan atau kerosakan	Kematangan $\leq 10\%$ Segar $\leq 10\%$ Rosak $\leq 5\%$ Kecacatan $\leq 10\%$ Keseragaman saiz $\leq 10\%$

4.2 Bagi Salak, saiz ditentukan oleh berat dalam unit gram sepertimana jadual berikut;

SAIZ	KOD	BERAT (gram)	
Extra	XL	> 80	
Besar	L	60 - 80	
Sedang	M	40 - 60	
Kecil	S	20 - 40	

5. PEMBUNGKUSAN DAN PERLABELAN

5.1 Pembungkusan

5.1.1 Salak daripada gred yang sama hendaklah dibungkus menggunakan bekas yang sesuai supaya dapat memberi perlindungan yang optima daripada kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.

5.1.2 Kertas atau bahan lain yang digunakan untuk membalut atau mengalas hendaklah bersih dan tidak akan menyebabkan kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.

5.1.3 Berat bersih yang dibenarkan bagi satu unit pembungkusan ialah tidak melebihi 30 kg.

5.2 Perlabelan.

Tiap-tiap unit pembungkusan hendaklah dilabel yang mengandungi maklumat berikut:

5.2.1 Tarikh

5.2.2 Nama/Kod Penanam

5.2.3 Nama/kod pengeksport

5.2.4 No. Kad Pengenalan

5.2.5 No. pendaftaran syarikat

5.2.6 Alamat

5.2.7 Komoditi

5.2.8 Berat bersih






5.2.9 Gred

6.0 PERSAMPELAN

Bilangan sampel dan kaedah persampelan bagi tujuan pemeriksaan adalah berdasarkan kepada MS 78 "Method of Sampling Fresh Fruits", atau kaedah statistik yang dipersetujui.

DEFINASI VISUAL SPESIFIKASI KUALITI SALAK MADU

Indeks Kematangan – Terdiri daripada lima (5) indeks warna seperti berikut:

	<p>Index I – Tidak matang. Buah muda. Kulit berwarna kehijauan sedikit dengan sedikit coklat.</p>
	<p>Index II – Permulaan matang, kulit berwarna hijau kekuningan.</p>
	<p>Index III – Matang -Warna coklat merah serta sedikit kekuningan.</p>
	<p>Index IV – Buah masak warna coklat cerah kemasam.</p>
	<p>Index V – Buah yang terlalu masak. Warna coklat gelap dengan sedikit kemerahan. Terdapat tanda pecah dan berair pada bahagian pangkal.</p>

SPEKIFIKASI PIAWAIAN DAN GRED SALAK
REF : (PIAWAIAN MALAYSIA MS 885)

1. SKOP

Spesifikasi piawaian dan gred ini adalah Salak tergolong dalam Palmae dengan nama botanikalnya **Salacca edulis** atau **Salacca zallaca (Gaertner) Voss** yang menyerupai pokok kelapa sawit muda. Buah salak terkumpul di dalam tandan diselaputi oleh kulit bersisik dengan bulu-bulu halus dan tajam. Setiap buah salak boleh mempunyai satu, dua atau tiga ulas.

Skop kajian adalah dari Varieti Salak Nangka mempunyai bentuk buah yang bulat berwarna coklat kehitaman.

2. DEFINISI TERMA

Bagi tujuan spesifikasi tersebut, terma-terma yang digunakan akan bermaksud:

- 2.1 *Kematangan* - Terdiri daripada lima (5) indeks warna bagi **salak Nangka** seperti berikut :
- 2.1.1 Indeks 1 – Tidak matang . Kulit berwarna coklat gelap.
 - 2.1.2 Indeks 2 – Permulaan matang – kulit berwarna coklat hitam dan Berkilat.
 - 2.1.3 Indeks 3 - Matang – buah berwarna coklat keemasan .
 - 2.1.4 Indeks 4 - Buah masak – berwarna cerah keemasan terang.
 - 2.1.5 Indeks 5 - Buah yang terlalu masak – warna coklat kehitaman. Terdapat tanda-tranda pecah dan berair pada pangkal.
- 2.2 *Kematangan seragam* - Konsainan dianggap seragam jika mempunyai satu indeks warna atau gabungan indeks warna yang hampir seperti 2, atau 3, dan 4 dalam satu-satu lot.
- 2.3 *Segar* - Salak segar mempunyai permukaan kulit buah yang licin serta tekstur isi yang pejal (firm) dan ranggup.

2.4 *Kecacatan* – Salak yang mempunyai tanda-tanda yang menjejaskan persembahan termasuk, kotor, cacat dan cacat rupa.

2.4.1 *Cacat* - Salak yang bentuknya tidak normal atau sempurna seperti *Leper dan lonjong yang ketara tetapi tidak menjejaskan isi Buah.*

2.4.1.1 *Kotor* - Salak yang terdapat kesan-kesan benda asing yang tidak dibersihkan seperti tanah, kesan racun perosak dan lain-lain bahan asing.

2.5 *Rosak* – kecederaan akibat kesan berikut yang akan menjejaskan kualiti isi, jangka hayat simpanan dan persembahan.

2.5.1 Kesan kecederaan mekanikal seperti luka, pecah, lebam dan melecit;

2.5.2 Kesan gigitan atau lubang disebabkan makhluk perosak;

2.5.3 Kesan serangan dan jangkitan penyakit disebabkan organisma mikro, seperti busuk, reput dan berkulat;

3. **KEPERLUAN MINIMUM**

3.4 Agak bebas daripada rosak disebabkan oleh kecederaan mekanikal, perosak dan penyakit;

3.5 Agak bebas daripada kecacatan dan sesuai untuk dimakan oleh manusia.

3.6 Telah mencapai tahap kematangan yang mencukupi (indeks 2 hingga indeks 4) seperti yang dikehendaki oleh pasaran. Kandungan bahan pepejal larut $\geq 12^\circ$ Brix.

4 PENGELASAN GRED DAN SAIZ

4.1 Salak dikelaskan kepada tiga (3) gred, tertakluk kepada keadaan dan ciri-ciri gred seperti jadual berikut:-

GRED	SPEKIFIKASI	KELONGGARAN (MAKSIMUM)
Premium	Ia mestilah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga mestilah agak bebas dari kecacatan atau kerosakan	Kematangan $\leq 5\%$ Segar $\leq 5\%$ Rosak $\leq 2\%$ Kecacatan $\leq 5\%$ Keceragaman saiz $\leq 5\%$
1	Ia mestilah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga mestilah agak bebas dari kecacatan atau kerosakan	Kematangan $\leq 10\%$ Segar $\leq 5\%$ Rosak $\leq 3\%$ Kecacatan $\leq 5\%$ Keceragaman saiz $\leq 5\%$
2	Ia mestilah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga mestilah agak bebas dari kecacatan atau kerosakan	Kematangan $\leq 10\%$ Segar $\leq 10\%$ Rosak $\leq 5\%$ Kecacatan $\leq 10\%$ Keceragaman saiz $\leq 10\%$

4.2 Bagi Salak, saiz ditentukan oleh berat dalam unit gram sepertimana jadual berikut;

SAIZ	KOD	BERAT (gram)	
Extra Besar	XL	> 90	
Sedang	L	70 - 89	
Kecil	M	50 - 69	
	S	20 - 49	

5. **PEMBUNGKUSAN DAN PERLABELAN**

5.1 Pembungkusan

5.1.1 Salak daripada gred yang sama hendaklah dibungkus menggunakan bekas yang sesuai supaya dapat memberi perlindungan yang optima daripada kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.

5.1.2 Kertas atau bahan lain yang digunakan untuk membalut atau mengalas hendaklah bersih dan tidak akan menyebabkan kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.

5.1.3 Berat bersih yang dibenarkan bagi satu unit pembungkusan ialah tidak melebihi 30 kg.

5.2 Perlabelan.

Tiap-tiap unit pembungkusan hendaklah dilabel yang mengandungi maklumat berikut:

2.5.4 Tarikh

2.5.5 Nama/Kod Penanam

2.5.6 Nama/kod pengeksport

2.5.7 No. Kad Pengenalan

2.5.8 No. pendaftaran syarikat

2.5.9 Alamat

2.5.10 Komoditi

2.5.11 Berat bersih






2.5.12 Gred

6.0 **PERSAMPELAN**

Bilangan sampel dan kaedah persampelan bagi tujuan pemeriksaan adalah berdasarkan kepada MS 78 "Method of Sampling Fresh Fruits", atau kaedah statistik yang dipersetujui.

DEFINASI VISUAL SPESIFIKASI SALAK NANGKA

Kematangan – Terdiri daripada lima (5) indeks warna seperti berikut:

	Index 1 – Tidak matang. Kulit berwarna gelap.
	Index 2 - Permulaan matang. Kulit berwarna coklat.
	Index 3 - Matang. Buah berwarna coklat dan kemasam.
	Index 4 - Buah masak. Berwarna coklat kemasam terang.
	Index 5 - Buah yang terlalu masak dan terdapat tanda-tanda pecah di bahagian pangkal.

